

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP**  
**PADA 20 MAC 2014, DI DEWAN 2020 KANGAR PERLIS**

*Bismillaahir rahmaanir rahiim. Alhamdulillah rabbil'aalamiin. Wassolaatu wassalaamu 'alaa saiyidinaa Muhammadin asyrafil anbiyaa'i walmursaliin. Wa'alaa aalihii wasohbihii ajmaain.*

**SALUTASI DIRAJA**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Seluruh warga UniMAP merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku amat besar ertinya buat patik sekalian.

Ketokohan dan kepimpinan Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor Universiti ini menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga kerja untuk terus mara ke hadapan bagi menjana kecemerlangan. Keprihatinan Duli Tuanku terhadap perkembangan, kemajuan dan pembangunan warga UniMAP membolehkan patik merancang dan membangunkan Universiti ini sejajar dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan.

Ampun Tuanku,

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

## **SALUTASI**

**Yang Amat Berhormat Tuan Azlan Man**, Menteri Besar Perlis Dan Y.Bhg. Isteri

**Yang Berhormat Tuan Haji Hamdan Bahari**, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis Dan Y.Bhg. Isteri

Ahli – Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Ahli – Ahli Yang Berhormat

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai Mohamad**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

**Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Syukor Hj. Mahfar**, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri

**Y.Bhg. Datuk Redza Rafiq Abdul Razak**, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)

Dif – Dif Kehormat.

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan – Dekan Dan Ketua – Ketua Jabatan UniMAP.

Wakil-Wakil Media.

Seterusnya Warga UniMAP yang diraikan sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Perlis, "Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri Disanjung",**

## **Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP.**

### **KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama dalam Majlis Anugerah Seri Gemilang khusus untuk mengiktiraf kegemilangan staf bagi tahun 2013.
2. Marilah kita berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita daripada apa jua kesulitan dan kekurangan. Saya ingin merakamkan jutaan tahniah dan penghargaan buat semua dif-dif kehormat dari pelbagai jabatan dan institusi di Negeri Perlis kerana sudi meluangkan masa menghadiri dan memeriahkan lagi majlis ini.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak industri dan universiti yang sudi menjalinkan kerjasama dengan UniMAP apabila termeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) yang melibatkan antara UniMAP dengan **DREAMEDGE SDN BHD**; UniMAP dengan **MIGHT-METEOR ADVANCED MANUFACTURING SDN. BHD.**; UniMAP dengan **COLLABORATIVE RESEARCH IN ENGINEERING SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER (CREST)**; UniMAP dengan **INLAND REVENUE BOARD of MALAYSIA (IRBM)** dan; UniMAP dengan **Karabuk University**.
4. Secara dasarnya, MoU ini dijalankan bagi membolehkan semua agensi yang terlibat ini dan UniMAP untuk menggunakan kepakaran, kemudahan, sumber-sumber bagi Pembangunan Modal Insan dalam pendidikan dan penyelidikan selain bekerjasama dalam program-program kearah keusahawan dan pembangunan sumber manusia dan juga aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D). InsyaAllah kerjasama ini akan menghasilkan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak.

5. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai Mohamed kerana sudi hadir pada malam ini. Secara peribadi, saya ingin memohon maaf kepada beliau kerana tidak dapat bersama dalam Program Bicara Minda Bersama Pengerusi LPU yang diadakan petang semalam. Betapa ruginya saya kerana terlepas satu peluang yang cukup bermakna.
6. Beberapa istilah baru telah saya perolehi antaranya **'High Thinking, High Doing', 'High Skill, High Will'. Perhatian khusus dan mendalam perlu diberikan terhadap input yang dikongsikan oleh Pengerusi LPU kita semalam. Saya yakin jika kita mengaplikasikan perkara yang ditekankan oleh Dato' Zainai, insyaAllah kecemerlangan UniMAP akan meningkat saban tahun.**
7. Terima kasih juga dititipkan buat barisan jawatankuasa pelaksana yang bersengkang mata memastikan kelancaran majlis malam ini. Tanpa usaha gigih mereka, pasti kita tidak dapat meraikan majlis segemilang ini.

### **MALAYSIA AIRLINES (MAS) MH370**

8. Dalam meniti kemeriahan dan gemilangnya malam ASG2013 ini, saya sedikit terkesan dengan peristiwa kehilangan pesawat Boeing 777 Malaysia Airlines (MAS) MH370 penerbangan Malaysia ke Beijing pada hari Sabtu 8 Mac lalu.
9. Pelbagai persoalan dan spekulasi yang telah timbul ekoran kehilangan pesawat tersebut. Harapan kita agar Allah SWT memberikan petunjuk keberadaan kapal tersebut. Semoga perkhabaran gembira yang akan mengakhiri penantian kita selama ini. InsyaAllah.

### **ANUGERAH SERI GEMILANG (ASG)**

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. UniMAP walau di usia setahun jagung telah mempunyai cukup ramai modal intelektual yang menggabungkan tiga elemen iaitu modal insan, modal sosial dan modal organisasi. Aspek inilah yang melayakkan staf yang berkenaan untuk menerima anugerah-anugerah yang diberikan pada malam ini. Kepada penerima anugerah, teruskanlah memberikan perkhidmatan yang terbaik buat UniMAP. Tanamkanlah di hati bahawa pentas ini milik saudara-saudari, dan saudara-saudari mahu terus menaiki pentas ini saban tahun. InsyaAllah. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah.
11. Bagi yang belum mendapat anugerah, tanamkanlah rasa cemburu yang positif melihat rakan-rakan yang terpilih menerima anugerah. Oleh itu, langkah seterusnya adalah bekerja dengan bersungguh-sungguh dan buktikan bahawa akan tiba masanya untuk saudara-saudari pula berada di atas pentas yang penuh kegemilangan ini.

### **PENCAPAIAN UniMAP YANG TERBAIK**

12. Oleh kerana banyaknya modal intelektual yang ada di UniMAP ini, tercipta banyaknya kejayaan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Kejayaan yang menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti yang cukup gah namanya hingga kepersada antarabangsa. Ingin saya berkongsi sedikit kejayaan UniMAP sama ada di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.
13. Terkini UniMAP muncul johan keseluruhan apabila berjaya meraih 15 pingat emas pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2014 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
14. UniMAP juga turut meraih 11 perak dan 8 gangsa dari 35 produk yang dipertandingkan sekaligus meningkatkan prestasi UniMAP

berbanding pada MTE 2013 yang meraih 7 emas, 10 perak dan 10 gangsa dari 27 produk.

15. Pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang dilangsungkan baru-baru ini UniMAP berjaya menempatkan diri di tangga keempat keseluruhan dengan pungutan 15 pingat emas, enam pingat perak dan lapan pingat gangsa.
16. Itu adalah pencapaian kelaziman yang kita terima saban tahun. Cuma apa yang membezakannya adalah kita sentiasa memperbaiki pencapaian kita dengan menjadi lebih baik dari semasa ke semasa pada setiap kali penganjurannya. Sementara itu, UniMAP juga telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Kelulusan Pensijilan Tertinggi program 1 CiTiZEN anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Prestariang Sdn. Bhd.
17. UniMAP mengekalkan peratusan tertinggi selama dua tahun berturut-turut. UniMAP mendapat peratusan kelulusan pensijilan tertinggi sebanyak 85%, menewaskan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditempat kedua dengan 78% dan Universiti Sains Malaysia (USM) di tempat ketiga dengan 77%.
18. Apa yang diluar kelazimannya adalah apabila buat pertama kalinya, kita telah memenangi Anugerah Kualiti SIRIM (AKS) 2013 bagi kategori agensi kerajaan yang dipertandingkan dalam SIRIM QAS International (SIRIM) yang berlangsung pada 16 November 2013 lalu. Kita berjaya mengalahkan 143 agensi kerajaan yang lain. Lantaran kejayaan itu, kita telah dicalonkan bagi Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014. Harapan saya agar UniMAP akan berjaya merangkul anugerah yang cukup berprestij ini. InsyaAllah.
19. Selain itu, antara kejayaan lain diperingkat kebangsaan adalah seorang pensyarah kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan UniMAP, Mohamad Mustafa Al – Bakri Abdullah telah diiktiraf sebagai finalis Saintis Muda Negara pada 15 November 2013. Beliau juga telah

dianugerahkan Top Research Scientist Malaysia oleh Akademi Sains Negara. Satu pencapaian yang sangat membanggakan bagi UniMAP.

20. Kita juga cemerlang apabila memperoleh TIER 5 (Cemerlang) dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA 11) dan juga Disiplin Kejuruteraan (D-SETARA). Malah memperoleh tiga bintang melalui Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA)
21. Tidak cukup di peringkat kebangsaan, kita juga hebat diperingkat antarabangsa. Hal ini terbukti apabila UniMAP menerima anugerah Best Campus dari Europe Business Assembly dan saya juga sebagai Naib Canselor turut menerima The Name in Science Award oleh Oxford Summit of Leaders Science and Communication 2013 di Oxford, United Kingdom pada 17 Disember lalu. UniMAP juga turut dinobatkan sebagai Institusi Terbaik (Best Enterprise) daripada European Business Assembly (EBA) pada 11 April 2013 lalu.
22. Sebenarnya masih banyak lagi kejayaan yang telah diraih oleh UniMAP. Namun cukuplah sekadar itu perkongsian saya pada malam ini.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

### **QS STARS DAN QS RANKING**

23. UniMAP kini memasuki fasa baru dalam arena pengantarabangsaan. Perjalanan UniMAP menuju universiti bertaraf dunia adalah selaras dengan daya saing pengajian tinggi, tuntutan negara umumnya dan sektor pengajian tinggi khususnya. Kajian oleh Adan dan Lin pada tahun 2004 menyenaraikan 24 kriteria Universiti bertaraf dunia yang diidami oleh semua institusi pengajian tinggi seluruh dunia. Selepas diteliti keseluruhan 24 kriteria berkenaan, saya bersyukur kerana UniMAP sebenarnya telah memulakan perjalanan dalam memenuhi kriteria universiti bertaraf dunia. Pelan Strategi

Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Strategi UniMAP (2011-2015) telah menyediakan hala tuju mampan ke arah universiti bertaraf dunia.

24. Kini, UniMAP mengorak langkah untuk meningkatkan reputasi institusi melalui penyertaan dalam program pemeringkatan QS Stars yang bersandar kepada kriteria universiti bertaraf dunia. Penyertaan kita dalam audit *QS Stars* sebenarnya menyediakan ruang dan peluang luas kepada UniMAP untuk melaksanakan penambahbaikan berterusan dalam aspek pengajaran pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, pengantarabangsaan, kebolehpasaran graduan, kemudahan dan prasarana, kebudayaan, inovasi, keterlikatan dan akses. Bukan hanya 5 bintang menjadi sasaran kita melalui program QS Stars. Warga UniMAP juga perlu menghargai proses penilaian kekuatan dan cabaran universiti yang kita sayangi ini dalam memenuhi kriteria universiti bertaraf dunia.
25. Warga UniMAP juga kini menyaksikan bagaimana penjenamaan UniMAP di persada antarabangsa melalui tagline “***An Award Winning University***” terpampang di pelbagai media penerbitan berimpak seperti Showcase dan Top University Guide. Tagline yang sama turut diserlahkan kepada warga UniMAP dan masyarakat Perlis melalui billboard di lokasi strategik di negeri Perlis Indera Kayangan. Ini merupakan antara pelbagai program pengukuhan reputasi akademik UniMAP di persada antarabangsa.

### **AKREDITASI PROGRAM UniMAP**

26. Baru-baru ini UniMAP mendapat perkhabaran yang sangat menggembirakan apabila 13 program pengajian UniMAP telah mendapat akreditasi bagi tempoh 2 – 5 tahun bergantung kepada program pengajian. Sebelum ini UniMAP hanya mendapat maksimum akreditasi sebanyak 3 tahun. Namun, apabila adanya program pengajian UniMAP



yang mendapat akreditasi selama 5 tahun, ini membuktikan bahawa program pengajian UniMAP memenuhi kriteria akreditasi dan keperluan Panel EAC dan BEM. Manakala pengiktirafan dua (2) & tiga (3) tahun juga memenuhi kriteria dan keperluan EAC & BEM cuma sedikit penambahbaikan perlu dibuat bagi memenuhi kriteria penuh yang diperlukan.

27. Sebagai tambahan, ini menunjukkan UniMAP tiada mempunyai sebarang masalah dari segi pengiktirafan program yang dianjurkan dan menjalin hubungan baik dengan pihak MQA (Malaysia Qualification Agency/Agensi Kelayakan Malaysia), EAC (Engineering Accreditation Council/Majlis Akreditasi Kejuruteraan) dan BEM (Board of Engineers Malaysia/Lembaga Jurutera Malaysia). Oleh itu, para pelajar tidak perlu gusar atau sangsi untuk memilih UniMAP sebagai destinasi menimba ilmu.

### **‘BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN’**

28. Di usia 12 tahun ini, UniMAP sebenarnya sedang mengorak langkah untuk memastikan survival masa hadapan dengan menjana kewangan sendiri. Dalam ucap tama saya baru-baru ini, saya menggalakkan semua warga UniMAP untuk berminda usahawan di mana untuk bersaing pada masa akan datang university perlu menjana kewangannya sendiri secara dalaman. Hal ini kerana ‘resources are limited’.
29. Saya menyeru semua warga UniMAP untuk memberikan komitmen yang terbaik dalam usaha mencari inisiatif yang dapat menjana kewangan di samping menjalankan tugas hakiki dengan sebaiknya. Untuk makluman, elemen keusahawan telah kita terapkan kepada Koperasi UniMAP yang kini telah mempunyai tabung simpanan Khas KoUniMAP sebanyak RM 30 juta dengan jumlah pinjaman yang

diluluskan melebihi RM20 juta dan dividen tabung simpanan khas ialah sekita 19 peratus pada tahun lalu.

30. Ini menunjukkan pertumbuhan positif kepada UniMAP di masa akan datang. Fikirkan sesuatu perkara secara kreatif agar kita sentiasa berjiwa kritis. InsyaAllah, kita tidak akan kekurangan sumber kewangan sekiranya 'BERMINDA USAHAWAN, BERJIWA ILMUWAN' diaplikasikan oleh semua warga UniMAP dalam menjana kewangan melalui bidang keusahawanan.

## **PENUTUP**

Hadirin dan hadirat sekalian,

31. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya ingin mangajak semua hadirin untuk menyedekahkan Al-Fatihah kepada pelajar UniMAP yang meninggal dunia baru-baru ini. Al – Fatihah.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Bagi pihak warga UniMAP, patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke Majlis Anugerah Seri Gemilang UniMAP kali ini.

Patik sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.